

26 FEB 1998

AIDS-Vaksin

UJIAN KLINIKAL VAKSIN ANTI-AIDS DARI POKOK BINTANGOR KINI FASA KEDUA

KUCHING, 26 Feb (Bernama) -- Ujian klinikal vaksin anti-AIDS daripada sejenis spesis pokok Bintangor yang ditemui di Sarawak kini memasuki fasa kedua, kata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan.

Hasil kajian yang sedang dijalankan bersama oleh Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan pakar-pakar Amerika di Pusat Kawalan Penyakit di Atlanta itu dijangka dapat diketahui dalam masa dua tahun lagi, katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel "HIV/AIDS: Tanggungjawab kita, masalah kita" di sini.

Dr Chan berkata vaksin itu akan digunakan terhadap manusia hanya di peringkat akhir selepas ia diluluskan oleh pakar-pakar perubatan.

Terdahulu beliau berkata rancangan Kementerian Kesihatan supaya ibu-ibu mengandung menjalani pemeriksaan jangkitan HIV akan dilaksanakan di Sarawak secara berperingkat mulai minggu depan.

Mengenai kes-kes AIDS yang dilaporkan di negeri ini, Dr Chan berkata 12 orang pengidap AIDS mati sejak penyakit berbahaya itu mula dikesan di sini pada Nov 1991.

Daripada segi jantina, lelaki merupakan 86 peratus daripada 133 kes penghidap HIV dan 18 kes AIDS akut yang dilaporkan kepada jabatan itu bulan lepas.

Lebih 85 peratus kes jangkitan HIV di Sarawak diperolehi menerusi hubungan kelamin berbanding di Semenanjung Malaysia menerusi pengambilan dadah.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir pula berkata kebanyakan pesakit HIV-positif di Malaysia hanya mendapatkan rawatan di saat-saat akhir kerana kejahilan atau takut menerima prejudis daripada masyarakat.

Sehingga November lepas terdapat 23,571 kes HIV/AIDS dan 1,051 kematian berkaitan AIDS dilaporkan di Malaysia sejak 1985.

Bengkel dua hari itu dianjurkan oleh Rangkaian AIDS Sarawak.--BERNAMA
CJ oba